

1981

**KUALA LUMPUR, 3 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERHARAP SEBAHAGIAN DAR, SEBAB-SEBAB KEGAGALAN PEMBORONG BUMIPUTERA AKAN DAPAT DIATASI DENGAN WUJUDNYA PUSAT PENYELARASAN KHIDMAT KONTRAKTRO-KONTRAKTOR BUMIPUTERA (PUSAKABUMI).**

BAGAIMANAPUN BELIAU MENGINGATKAN **MEREKA KERJA PEMBORONG BUKANNYA KERJA YANG MUDAH YANG BOLEH MEMBAWA KEJAYAAN SEMATA-MATA DENGAN MENYERTAINYA.**

**PEMBORONG ATAUPUN EAKAL PEMBORONG HENDAKLAH SEDAR BAHAWA BIDANG YANG MEREKA MASUKI ITU PENUH DENGAN CABARAN DAN CUMA MEREKA YANG BERSEEDIA UNTUK MENGHADAPI CABARAN SAHAJA YANG AKAN BERJAYA.**

**TIMBALAN PERDANA MENTER, BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PEMBUKAAN PUSAKABUMI DI SINI HARI INI.**

**TUJUAN KERAJAAN MENGADAKAN PUSAKABUMI IALAH MENGUMPUL, MEMPROSES DAN MEMBERIKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING MENGENAI KERJA-KERJA KONTRAK, PEMBEKAL-PEMBEKAL BAHAN BINAAN, PROGRAM-PROGRAM LATIHAN DAN SEBAGAINYA KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG BUMIPUTERA.**

—BERNAMA 1615/AN

8562

**MAHATH IR-PEMBORONG 2 KUALA LUMPUR**

**MEMBERIKAN BANTUAN-BANTUAN SEGERA DALAM MENGHADAPI MASALAH-MASALAH HARAPAN YANG MENYEBABKAN KESULITAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG BUMIPUTERA DAN MENGHALANG KEMAJUAN MEREKA.**

**MENYELARAS KERJA-KERJA DAN PERATURAN-PERATURAN MENGENAI PENDAFTARAN PEMBAYARAN KEMAJUAN KERJA, PEMINJAMAN MODAL, MEMBERIKAN LATIHAN DAN LAIN-LAIN YANG DIJALANKAN OLEH BERBAGAI-BAGAI AGENSI SUPAYA DAPAT DISELARAS, DIPERMUDAH DAN DILICINKAN LAGI.**

**DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN MENJELASKAN AGENSI INI ADALAH BERTUJUAN UNTUK MEMBERIKAN KHIDMAT DAN BANTUAN KEPADA SEMUA PEMBORONG-PEMBORONG BUMIPUTERA DENGAN SEGERA DAN DAR, HANYA SATU PUSAT SAHAJA.**

**INITIDAKLAH BEERTI AGENSI PUSAKABUMI AKAN MENGAMBIL ALIH SEMUA TUGAS YANG DIJALANKAN OLEH BERBAGAI-BAGAI AGENSI KATANYA.**

**PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH PUSAKABUMI IALAH UNTUK MENKAKSI, MEMPERCEPAT, MENYELARAS DAN MENJADIKAN PERANTARAAN DALAM MENYELESAIKAN SEMUA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PEMBORONG-PEMBORONG BUMIPUTERA.**

**BELIAU MENJELASKAN PUSAT INI AKAN MENERIMA SEBARANG PENGADUAN MASALAH DAR, PEMBORONG-PEMBORONG BUMIPUTERA, BAIK YANG DATANG BERKUNJUNG SENDIRI ATAUPUN YANG MENELEFON, MENULIS SURAT ATAU SEBAGAINYA.**

—BERSAMBUNG 1621/AN

MAHATHIR-PEMBORONG 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENGAJUKAN SEGERA MASALAH-MASALAH ITU, MENGHUBUNGI PIHAK AGENSI-AGENCI KERAJAAN YANG TERLIBAT, MENGADAKAN PERBINCANGAN YANG SEWAJARNYA DAN Mencari PENYELESAIAN DENGAN SEGERA.

PUSAKABUMI DILENGKAPKAN DENGAN KEMUDAHAN KOMPUTER YANG MENAMPUNG BERBAGAI MAKLUMAT MENGENAI KONTRAKTOR-KONTRAKTOR ITU SENDIRI DAN TARAF PENDAFTARAN MEREKA, PROJEK-PROJEK BINAAN YANG AKAN DIJALANKAN OLEH BERBAGAI-BAGAI AGENSI KERAJAAN ATAU BADAN-BADAN BERKANUN, AGENSI-AGENCI YANG MEMBERI PINJAMAN MODAL DAN LAIN-LAIN BANTUAN, PEMBEKAL-PEMBEKAL BAHAN BINAAN SERTA JENTERA JENTERA, FIRMA-FIRMA PERUNDING YANG BOLEH DIRUJUK MENGENAI PERKARA-PERKARA TEKNIKAL DAN LAIN-LAIN.

BELIAU BERKATA MAKLUMAT-MAKLUMAT ASAS INI BOLEH DIDAPATI PADA BILA-BILA MASA SAHAJA DI SAMPING NASIHAT-NASIHAT LAIN YANG DIPERLU-KAN.

JIKA PERLU WAKIL-WAKIL AGENSI YANG TERLIBAT DALAM MASALAH-MASALAH TERTENTU JUGA AKAN DIPANGGIL ATAU DITEMPATKAN TERUS DI PEJA PUSAKABUMI, SUPAYA MEMUDAHKAN PERBINCANGAN DAN MEMBUAT KEPUTUSAN BAGI MENTASI SATU-SATU MASALAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN PEJABAT PUSAKABUMI MERUPAKAN PEJABAT PERNIAGAAN DENGAN KEMUDAHAN UNTUK MEMPEMERKAN BENTUK-BENTUK BANGUNAN DAN PELAN-PELANNYA, CONTOH-CONTOH ALAT DAN JENTERA-JENTERA PEMBINAAN, ALAT-ALAT UNTUK MEMUDAHK PENGURUSAN DAN SEBAGAINYA.

—BERSAMBUNG 1628/AN

B564

MAHATHIR-PEMBORONG 4 KUALA LUMPUR

KATANYA INI TALAH UNTUK MEMBERIKAN PEMBORONG-PEMBORONG BUMIPUTER SEGALA KEMUDAHAN UNTUK DATANG BERBINCANG DAN MENDAPAT GAMBARAN-GAMBARAN YANG LEBIH JELAS TENTANG KERJA-KERJA MEREKA.

BARANG-BARANG YANG DIPAMERKAN, KHUSUSNYA CONTOH-CONTOH BANGUNAN . DAN PELAN-PELANNYA ITU DIHARAP DAPAT MEMBERI PANDUAN YANG TEGAS KEPADA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR BUMIPUTERA UNTUK MELIHAT BAGAIMANA PELAN-PELAN ITU DITUK MENJADI BANGUNAN YANG SEBENARNYA.

+DENGAN TUGAS DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI DIHARAP SEBAHAG I AN DAR I SEBAB-SEBAB KEGAGALAN PEMBORONG BUMI-PUTERA DAPAT DIATASI+, KATANYA.

—BERNAMA 1633/AN